

# **GARIS PANDUAN DASAR PENGASINGAN SAMPAH DI PUNCA**

## **KATEGORI KILANG**

### **1. PERANAN PELAKSANA**

- 1.1 Pelaksana hendaklah memainkan peranan untuk menjayakan sebarang Program 3R, sebagai mencerminkan komitmen pelaksana dalam inisiatif 3R.
- 1.2 Pelaksana hendaklah menimbang untuk mengubah tugas/tanggungjawab kakitangan atau mengubahsuai prosedur operasi.
- 1.3 Pelaksana hendaklah menguruskan pengumpulan maklumat mengenai rekod penjanaaan sampah di Kilang dan mengenalpasti peluang-peluang untuk mengurangkan, menggunakan semula dan mengitar semula sampah.
- 1.4 Pelaksana hendaklah menyediakan satu Kenyataan Polisi 3R, bagi menyebarkan objektif 3R:
  - a) Mengurangkan sampah di punca – salah satu matlamat utama bagi pelbagai operasi yang wujud di dalam Kilang;
  - b) Mengitar semula sebanyak mungkin sampah yang boleh dikitar semula di pengumpulan sampah sebelum dilupuskan;
  - c) Mengamalkan amalan 3R, melalui penyampaian perkhidmatan berkualiti serta bertanggung jawab dalam pemeliharaan alam

- sekitar; dan
- d) Kenyataan Polisi 3R dijadikan sebagai sebahagian Polisi Alam Sekitar Kilang.

## **2. MELANTIK KOORDINATOR 3R**

- 2.1 Pelaksana hendaklah melantik Koordinator 3R yang berpengetahuan tentang pengurusan operasi Kilang termasuk pengurusan sampah dan prosedurnya.
- 2.2 Koordinator 3R hendaklah mempunyai kuasa dan hubungan ke atas anggota pengurusan daripada pelbagai jabatan, serta pemungut sampah kitar semula.
  - a) Sesi latihan hendaklah diuruskan kepada mereka yang terlibat dalam operasi program 3R .
  - b) Pendidikan untuk mengamalkan konsep 3R dan memotivasikan kakitangan amatlah penting. Pendekatan komunikasi efektif secara bersemuka (*'face to face'*) hendaklah dilaksanakan untuk menerangkan dan menjelaskan secara terperinci program dan polisi kitar semula,

## **3. MEMBENTUK '*GREEN COMMITTEE*' ATAU 3R '*TEAM*'**

- 3.1 Membentuk '*Green Committee*' atau 3R '*Team*' jika diperlukan yang bekerjasama dengan Koordinator 3R untuk melaksanakan program pengasingan dan pengurangan sampah.

- 3.2 '*Green Committee*' atau 3R '*Team*', bertujuan mendapatkan sokongan dan penglibatan daripada Ketua Jabatan di dalam sesebuah Kilang yang diuruskan oleh Pelaksana.
- 3.3 '*Green Committee*' atau 3R '*Team*' hendaklah diwakili secukupnya melibatkan pengurusan '*kitchen/food and beverage establisymen*', '*housekeeping*', '*front office department*' dan jabatan-jabatan lain yang berkaitan.
- 3.4 Kakitangan Jabatan hendaklah melibatkan diri dalam perancangan program 3R, terutamanya jabatan yang mengurus operasi pengurusan sampah dan inisiatif program 3R.
- 3.5 Wakil Jabatan dapat memberi input bagi menentukan aliran sampah yang sesuai untuk diasingkan dan melalui cadangan yang diberikan kaedah pungutan sampah kitar semula dapat dibentuk. Logistik pemungutan sampah kitar semula hendaklah diuruskan mengikut kesesuaian yang mungkin .
- 3.6 Berurusan dengan pemungut kitar semula untuk menentukan lokasi penyimpanan dan pungutan, kekerapan pemungutan sampah kitar semula secara berjadual.
- 3.7 Fungsi dan peranan '*Green Committee*' atau 3R '*Team*' adalah untuk memantau kepatuhan prosedur 3R yang telah diwujudkan. '*Green Committee*' atau 3R '*Team*' hendaklah mengadakan perjumpaan berkala untuk memantau perkembangan program 3R.

#### **4. MEMBENTUK MEKANISME BAGI MENGURANGKAN, MENGGUNA SEMULA ATAU MENGITAR SEMULA SAMPAH**

- 4.1 Pelaksana hendaklah mengenalpasti prosedur bagi melaksanakan Inisiatif 3R.
- 4.2 Pelaksana hendaklah mengenalpasti sampah yang boleh dikitar semula.
- 4.3 Bagi bahan sampah yang tidak boleh diguna semula atau tidak boleh dikitar semula serta bahan kitar semula yang tercemar dan tidak boleh dikitar semula langsung. Sampah berkenaan hendaklah diletakkan ke dalam tong sampah berasingan di pusat pengumpulan dan diangkut oleh pemungut kitar semula yang ditetapkan oleh pengurusan Kilang atau Pihak Berkuasa Tempatan di mana berkenaan.
- 4.4 Pengasingan sampah hendaklah dilaksanakan dengan menggunakan bekas yang bersesuaian sebelum dimasukkan ke dalam tong (bagi sampah baki) atau ruang sampah kitar semula yang terletak di pusat pengumpulan.

#### **5 MENENTUKAN OPSYEN PENGURANGAN SAMPAH**

- 5.1 Penjanaan sampah dihasilkan daripada sektor berikut:-
  - a) Pembuatan
  - b) '*Shipping*'

c) Operasi pejabat

5.2 Pengurusan Kilang boleh menentukan pilihan opsiyen pengurangan sampah bagi setiap aliran sampah.

5.3 Kawasan penjanaaan sampah yang boleh dikurangkan adalah seperti berikut:

a) Pengurangan sampah pembuatan melalui kawalan pengurusan inventori dan pengendalian bahan mentah (*raw materials*) agar tidak tercemar dan elak pembaziran;

b) Modifikasi proses penghasilan produk yang dapat dicapai melalui penambahbaikan kepada prosedur operasi dan penyelenggaraan.

c) Pengurangan kepada sampah jenis pembungkusan seperti kadbod dan plastik atau guna semula atau guna semula bahan pembungkusan.

d) Pengurangan sisa yang dihasilkan dari pejabat yang kebanyakannya adalah kertas dan lain-lain jenis sisa.

## **6. MEMBENTUK RANGKAIAN KITAR SEMULA**

6.1 Pelaksana hendaklah mengenalpasti infrastruktur kitar semula sedia ada.

6.2 Pelaksana hendaklah memastikan rangkaian lokasi pusat–pusat kitar semula yang komprehensif.

6.3 Pelaksana hendaklah memudahcara Ketua Jabatan/operator/kakitangan Kilang untuk urusan menyimpan dan meletakkan sampah kitar semula atau melupuskan sampah kitar semula.

- a) Di peringkat pengasingan sampah, tong atau bekas kitar semula hendaklah dibezakan dengan tong sampah sampah baki. Bekas kitar semula yang jelas hendaklah disediakan dan mengandungi pelabelan atau berwarna atau sewajarnya untuk memudahkan pengesahan dan penggunaan untuk tujuan kitar semula semata-mata;
- b) Di peringkat pemungutan sampah kitar semula, sampah kitar semula boleh dipungut daripada tong atau bekas kitar semula yang telah diasingkan atau tong atau bekas kitar semula yang bercampur di pusat pengumpulan bergantung kepada kaedah pemungutan oleh agen kitar semula.
- c) Tong atau bekas kitar semula yang berasingan boleh disediakan di pusat pengumpulan untuk sampah kitar semula yang berlainan.
- d) Bagi program kitar semula yang tidak diasingkan dan bercampur, semua sampah kitar semula adalah dipungut dan dicampur/disimpan bersama.
- e) Pelaksana hendaklah mengenalpasti lokasi bagi penempatan tong atau bekas kitar semula. Tong atau bekas kitar semula tersebut hendaklah diletakkan di tempat strategik di mana kakitangan dan pelanggan Kilang mudah memasukkan sampah kitar semula.

6.4 Pelaksana hendaklah melaksanakan pendidikan dan peningkatan kesedaran dan bekerjasama dengan mana-mana organisasi alam sekitar, seperti Pihak Berkuasa Tempatan;

- a) Mengurus program untuk meningkatkan kesedaran terhadap 3R.
- b) Menyebarkan maklumat kepada kakitangan untuk menggalakkan 3R.
- c) Mempromosi kesedaran di kalangan kakitangan tentang pembungkusan makanan yang tercemar.

## **7. MELANTIK PERKHIDMATAN PEMUNGUT KITAR SEMULA**

7.1 Pelaksana hendaklah melantik mana-mana perkhidmatan pemungut kitar semula yang dilesenkan di bawah Undang-Undang Kecil Pengasingan sampah dan Pelesenan Perkhidmatan Pemungutan sampah Yang Boleh Dikitar Semula (Majlis Bandaraya Pulau Pinang/Majlis Perbandaran Seberang Perai) 2016 bagi memungut sampah kitar semula.

7.2 Pelaksana boleh berunding dengan pemungut kitar semula untuk menyediakan tong atau bekas kitar semula termasuk kemudahan untuk pusat kitar semula selain daripada memberi perkhidmatan pemungutan.

(Perkhidmatan pemungutan boleh menyediakan khidmat untuk memungut sampah kitar semula dan pelupusan sampah baki atau sebaliknya menyediakan perkhidmatan pemungutan sampah kitar

semula dan sampah baki yang berasingan oleh pihak yang berlainan).

## **8. PEMBANGUNAN DAN PELAKSANAAN SERTA PEMANTAUAN PROGRAM 3R**

8.1 Berpandukan kepada pelaksanaan garis panduan di atas, Pelaksana mempunyai opsyen untuk meneruskan usaha membangun, memantau dan mendokumenkan program 3R dengan:

- a) Mensasarkan aliran sampah yang hendak dikurangkan, diguna semula dan dikitar semula.
- b) Menentukan opsyen/kaedah untuk mengurang, guna semula dan kitar semula setiap aliran sampah yang diasingkan.
- c) Memantau amaun pengurangan sampah bagi setiap aliran sampah.

## **9. MENGURUSKAN AUDIT PENGURUSAN SAMPAH**

9.1 Pelaksana boleh memilih untuk menguruskan sendiri atau melantik mana mana badan pengurusan sampah yang profesional atau kontraktor untuk melaksanakan audit pengurusan sampah.

Audit Pengurusan Sampah bantu mengenalpasti tempat pembaziran, peluang dan nilai hasil barang kitar semula. Data dikutip dapat mengukur keberkesanan program 3R.